

20 APRIL 2018

Risda tunggu kelulusan untuk tanam pokok ketum

Risda tunggu kelulusan untuk tanam pokok ketum

LANGKAWI - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) masih menunggu kelulusan daripada Pusat Racun Negara berhubung permohonan penanaman pokok ketum untuk dieksport bagi tujuan penyelidikan dalam bidang perubahan.

Pengerusinya, Datuk Zahidi Zainul Abidin (**gambar kecil**) berkata, pihaknya telah menghantar permohonan itu kepada Pusat Racun Negara baru-baru ini untuk kelulusan.

"Jika kerajaan benarkan, kita rancang untuk eksport daun ketum ini ke luar negara untuk tujuan penyelidikan dan penanaman pokok ini akan di-

kawal oleh Agensi Antidadah Kebangsaan.

"Jangan salah faham, kita tanam ketum ini bukan untuk minum atau disalah guna tetapi untuk dijual," katanya selepas berucap pada Program Moh Ngeteh dan Majlis Ramah Mesra bersama Risda di De Baron Resort Langkawi di sini semalam.

Kata Zahidi, pihaknya akan memberikan lesen kepada pekebun kecil jika permohonan penanaman pokok ketum itu diluluskan kelak.

"Penanaman ini bagaimanapun ada kawalan ketat dan kemungkinan pekebun akan dikenakan bayaran untuk tujuan kawalan," ujarnya.



DAUN ketum mempunyai pelbagai khasiat jika digunakan dengan sebaiknya termasuklah boleh merawat masalah ketagihan dadah. - Gambar hiasan